

28/03/2002

Deklarasi perbetul pandangan serong

Jamhariah Jaafar; Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Rabu - Malaysia berharap Deklarasi Kuala Lumpur yang akan diisytiharkan pada akhir mesyuarat Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) minggu depan, akan memperbetulkan pandangan serong masyarakat antarabangsa terhadap dunia Islam berhubung isu keganasan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata deklarasi itu antara lain mengandungi Pelan Tindakan Terancang yang akan menjadi asas bagi negara Islam menangani masalah yang dihadapi berikutan serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada September lalu.

"Kita berharap persidangan ini akan menghasilkan dasar, tindakan dan langkah susulan yang perlu diambil negara Islam berhubung isu keganasan antarabangsa," katanya kepada Berita Harian di pejabatnya di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan ucap terna di persidangan itu dan kandungan ucapannya dijangka menjadi asas perbincangan bagi merumuskan Pelan Tindakan Terancang itu.

Katanya, persidangan itu adalah usaha Malaysia supaya negara Islam dapat bersama mencari penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi serta bebanan yang dipikul beberapa negara Islam berikutan tindak balas Amerika dan sekutunya terhadap serangan pengganas itu.

"Kita juga berharap persidangan itu akan menjurus kepada persidangan antarabangsa anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai keganasan yang dicadangkan Malaysia," katanya.

Akhir bulan lalu, Dr Mahathir dalam wawancara khas dengan stesen berita satelit Al Jazeraa, mengajak semua negara Islam berganding bahu berusaha memulihkan imej serta mengatasi masalah umat Islam di seluruh dunia, terutama berhubung tuduhan yang mengaitkan Islam dengan keganasan dan kemunduran.

Merujuk kepada persidangan Menteri Luar OIC itu, Perdana Menteri berharap negara Islam lain akan turut mengemukakan cadangan kerana dunia Islam perlu sepakat dan mengambil tindakan lebih wajar bagi menyelesaikan permasalahan itu.

Bercakap pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat Pengerusi Majlis Parlimen Kazakhstan, Zharmakhan Tuyakbay, pula Syed Hamid berkata Malaysia berharap semua negara peserta akan mengemukakan pandangan secara rasional dan membina.

Katanya, Malaysia mahu persidangan itu menjadi sesuatu yang dapat mencetuskan perbincangan serta merumuskan penyelesaian yang dihadapi negara Islam berhubung isu keganasan, bukan sesuatu yang berbentuk retorik atau untuk menghentam negara tertentu.

"Tujuannya ialah supaya tanggapan negatif terhadap negara Islam akan dapat diperbetulkan selain mencetuskan pandangan positif bahawa negara Islam adalah bersama masyarakat dunia bagi mencari penyelesaian jangka panjang kepada keganasan antarabangsa itu," katanya.

Sebanyak 48 daripada 57 negara anggota OIC akan menghadiri persidangan tiga hari yang bermula Isnin depan dengan 27 negara diwakili menteri luar masing-masing manakala selebihnya oleh timbalan menteri luar dan pegawai tertinggi kementerian.

Mengenai tindakan Israel menghalang pemimpin Palestin, Yasser Arafat, menghadiri sidang kemuncak Arab di Beirut yang bermula hari ini, Syed Hamid berkata, tindakan Israel itu tidak membantu menyelesaikan masalah.

Beliau berkata, Israel yang menguasai keadaan dalam konflik itu sepatutnya bersikap bertanggungjawab serta mematuhi resolusi PBB sebelum ini, bukan terus menunjukkan keangkuhan dengan menggunakan kekuatan ketenteraan konvensional terhadap rakyat awam Palestin.

Sambil menyatakan konflik Palestin-Israel adalah antara punca keganasan antarabangsa, beliau berkata tindakan ganas berterusan Israel terhadap rakyat Palestin hanya akan mencetuskan lagi keganasan apabila pejuang Palestin membalas dengan tindakan serupa.

"Setiap tindakan akan mengundang tindak balas... perdamaian sepatutnya diberi peluang untuk berjaya," katanya sambil menambah pelan damai yang dicadangkan Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz perlu disokong masyarakat antarabangsa.

Mengenai kunjungan hormat Tuyakbay, Syed Hamid berkata mereka berbincang pelbagai isu dua hala serta antarabangsa, termasuk soal keganasan antarabangsa serta kejayaan Malaysia menangani krisis kewangan Asia tidak lama dulu.

Katanya, Kazakhstan berminat mempelajari pengalaman Malaysia dalam menangani masalah itu serta memperkukuhkan hubungan dua hala yang sedia terjalin.

(END)